

## Asimilasi Budaya Tempatan Kaum Peranakan Chitty Melaka

Paramasivam Muthusamy<sup>1\*</sup> dan Che Ibrahim Salleh<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

### ABSTRAK

Masyarakat Chitty Melaka ialah satu kelompok masyarakat minoriti India yang unik di Melaka. Masyarakat ini terbentuk hasil daripada perkahwinan campur antara orang Hindu dengan orang tempatan seperti Melayu, Cina dan Jawa. Bandar Gajah Berang di Melaka merupakan kawasan penempatan masyarakat Hindu Peranakan Melaka. Tumpuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti asal-usul dan latar belakang Chitty Melaka serta menghuraikan sifat asimilasi, sosial dan budaya kaum Chitty Melaka. Kajian ini merupakan sebuah kajian 'non-experimental'. Ini merupakan kajian lapangan dan bahan rujukan sejarah serta temu bual. Pemilihan sampel adalah daripada kalangan masyarakat kaum Chitty Melaka di Gajah Berang. Pengumpulan data dijalankan melalui soal selidik dan temu bual. Hasil penyelidikan memaparkan masyarakat Chitty mempunyai keunikan dalam segala aspek kehidupan seharian mereka dari segi bahasa, pakaian, makanan, adat-istiadat, kepercayaan, perkahwinan, gelaran, upacara agama, seni bina, muzik, dan permainan. Segala keunikan masyarakat Chitty bukan sahaja perlu dipelihara dan diteruskan malah perlu didokumentasikan secara sistematik.

*Kata kunci:* Chitty Melaka, peranakan Melaka, asimilasi, sosial, budaya, identiti masyarakat, minoriti

## *Assimilation of Malacca Cheety in Local Culture*

### ABSTRACT

*Malacca Chitty is an unique group of Indian minority community in Malacca. This community is formed as a result of inter-marriage with the local Hindus to Malays, Chinese and Jawanees. Their settlement area is located at Gajah Berang City in Malacca. The main focus of this study is to identify the origin and background of Malacca Chitty and describe their social and cultural assimilation. This is a 'non-experimental' field study with historical references and interviews. The sample of this study were the Malacca Chitty community from Gajah Berang City in Malacca. Data were collected through questionnaires and*

#### INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

[mparam295@gmail.com](mailto:mparam295@gmail.com) (Paramasivam Muthusamy),

[ibrahimsalleh79@gmail.com](mailto:ibrahimsalleh79@gmail.com) (Che Ibrahim Salleh)

\*Penulis penghubung

*interviews. Findings showed Malacca Chitty is unique in all aspects of their daily lives in terms of language, dress, food, customs, beliefs, marriage, greeting, ritual, architecture, music, and games. The uniqueness of this community should not only be preserved and continued, but should be documented in a systematic way.*

*Keywords: Malacca Chitty, Malacca peranakan, assimilation, social, cultural, community identity, minority*

---

## **PENDAHULUAN**

Masyarakat Semenanjung Malaysia khususnya dan Malaysia amnya selalu dianggap sebagai sebuah masyarakat majmuk atau masyarakat berbilang kaum. Tiga etnik terbesar ialah Melayu, Cina dan India mengamalkan kebudayaan, adat resam, agama dan bahasa masing-masing. Setiap kaum mempunyai keperibadian budaya yang tersendiri yang dikekalkan. Tiga etnik ini bersatu atas satu ikatan kerakyatan dan di bawah sebuah pemerintahan demokrasi raja berperlembagaan dengan satu cara hidup yang dipersetujui bersama. Bahasa Melayu diterima sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia.

Masyarakat Hindu Peranakan yang juga dikenali sebagai masyarakat Chitty Melaka ialah satu kelompok masyarakat minoriti India yang unik di Melaka. Masyarakat ini tidaklah boleh disamakan dengan masyarakat ceti (*chettier*) yang terkenal dengan peminjaman wang, tetapi sebuah komuniti masyarakat yang terbentuk hasil daripada perkahwinan campur antara orang Hindu dengan orang tempatan seperti Melayu, Cina dan lain-lain (Narayanamy, 1976).

Bandar Gajah Berang, terletak kira-kira 1.6 kilometer dari kawasan perbandaran Melaka merupakan kawasan penempatan masyarakat Hindu Peranakan Melaka. Chitty bererti golongan yang berniaga sama seperti golongan ceti pada masa kini. Mereka mempunyai taraf kewangan yang kukuh. Mengikut pandangan Noriah Mohamed dan Meriam Abdul Karim (2005), terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk merujuk kepada perkataan ceti. Antaranya *Chetty*, *Chati*, *Chatin*, *Chettijn*, *Sitty* dan seumpamanya lagi. Istilah Chitty yang merupakan gelaran masyarakat ini berasal daripada perkataan *Sresthi* dalam bahasa Sanskrit yang membawa maksud 'orang kaya atau pedagang' yang berasal dari Klingga Partanam atau Benua Keling (Nadarajan, 2003).

## **OBJEKTIF**

Kajian ini dijalankan untuk:

1. Mengenal pasti asal-usul dan latar belakang Chitty Melaka
2. Menghuraikan asimilasi sosial dan budaya kaum Chitty Melaka

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan sebuah kajian 'non-experimental'. Ini merupakan kajian lapangan dan bahan rujukan sejarah serta temu bual. Pemilihan sampel adalah daripada masyarakat kaum Chitty Melaka di Gajah Berang Melaka. Sebanyak empat orang daripada kalangan masyarakat Hindu Peranakan Melaka ditemu bual dalam jangka masa dua bulan bermula dari bulan Jun 2009 hingga Ogos 2009.

Menerusi kajian ini, masyarakat Chitty dapat dikenal pasti dari aspek latar belakang dan juga asal-usul kelahiran, di samping mengetahui asimilasi sosial dan budaya kaum Chetty Melaka. Hasil penyelidikan ini membuka ruang kepada pembentangan dalam seminar dan persidangan, penerbitan makalah dalam jurnal serta memberikan peluang untuk kajian lanjutan.

## ASAL-USUL MASYARAKAT CHITTY MELAKA

Menurut Narayanasamy (1976), dalam catatan Gabenor Belanda Balthasar Bort tentang kota Melaka pada 1678, telah tercatat tentang adanya hamba 'gentoo' yang bererti Hindu di bawah pemerintahannya di Melaka. Semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, pedagang Hindu dari negara India Selatan dipercayai memiliki kekayaan dari segi perkapalan, perdagangan. Antara 1509 hingga 1511, Naina Chitty merupakan pemimpin tersohor kaum Hindu Peranakan yang menjadi pembantu kepada Ruy De Aranjó dan 20 tahanan Portugis sehingga mendapat tempat istimewa dalam kalangan pentadbir Portugis.

Pada zaman penjajahan Belanda, kaum Hindu Peranakan Melaka telah wujud sebagai masyarakat yang sah sehingga pemerintah Belanda menyerahkan setapak tanah di tengah-tengah Kota Melaka untuk didirikan sebuah kuil- *Sri Poyatha Vinayagar Moorthy*, pada 1781. Semasa penjajahan British, kaum Hindu Peranakan Melaka diterima menjadi pekerja am rendah dalam pentadbiran negeri serta di sektor swasta. Kesetiaan dan kejujuran kaum ini menarik minat pihak British mengekalkan mereka di sektor kerajaan (Narayanasamy, 1967). Dipercayai, hampir 50% daripada penduduk kaum Hindu Peranakan Melaka telah bermigrasi ke Singapura atas urusan pekerjaan yang lebih baik, di sektor kerajaan mahupun di sektor swasta.

Pencerobohan kuasa Jepun pada 8 Disember 1941 menyebabkan, segenap lapisan masyarakat Hindu Peranakan Melaka dikhuatiri diambil bekerja dalam Batalion ke-4 Pasukan Sukarela Melaka (*4<sup>th</sup> Battalion of the Melaka Volunteer Corps*), dan mereka ini telah dimobiliti ke Singapura termasuk mendiang En.B.S.Naiker (Narayanasamy, 1967). Sebilangan masyarakat Hindu Peranakan di Singapura dan Melaka telah direkrut untuk membina landasan kereta api maut Burma-Thailand dan juga kereta api Kra. Kebanyakan buruh yang terlibat dalam pembinaan kereta api ini sengsara dengan penyakit *beri-beri* dan juga penyakit *skurvi* (Narayanasamy, 1967).

Pada masa ini, kehidupan masyarakat Hindu Peranakan Melaka memperlihatkan keseimbangan dari aspek sosial, ekonomi, pendidikan, dan politik dengan masyarakat lain di Melaka. Kesetiaan dan kepatuhan agama masih menjadi pegangan yang kuat dalam kalangan masyarakat Hindu Peranakan Melaka (Samuel, 2006).

## ASIMILASI SOSIAL DAN BUDAYA

### Adat Perkahwinan

Unsur asimilasi hanya berlaku dalam sesetengah bahagian dalam adat perkahwinan masyarakat Hindu Peranakan Melaka seperti adat persandingan, adat mandi pengantin, pemberian bunga rampai, pakaian pengantin dan selebihnya masih mengekalkan adat biasa yang dijalankan oleh masyarakat Tamil-Hindu di negara kita. Menurut Narayanasamy (1976), kebiasaan amalan dalam adat perkahwinan ini sudah lenyap pada masa kini akibat peresapan cara Tamil Moden. Menurut Mohd Shukri Mohd Arif dan rakan-rakannya (2003), tradisi perkahwinan masyarakat Chitty sememangnya menarik dan unik. Kebanyakan adat yang diamalkan mempunyai persamaan dengan adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Misalnya, dalam majlis perkahwinan, majlis tersebut akan diserikan dengan persembahan dondang sayang. Golongan tua masyarakat ini akan menyanyi dan berpantun.

Pengkaji telah menemu bual Encik Thamby Chetty pada 29 Jun 2009 di Kampung Chetty, Gajah Berang untuk mengumpulkan data berkaitan adat perkahwinan yang diamalkan oleh Masyarakat Chitty. Hasil daripada temu bual diketahui bahawa, perbincangan keluarga lelaki dengan keluarga perempuan dilakukan untuk menentukan pemilihan jodoh yang baik. Keserasian ditentukan berdasarkan tarikh lahir, waktu dilahir dan nama daripada kedua-dua belah pihak. Menurut Encik Thamby Chetty yang ditemu bual adat ini dipanggil adat merisik dan buang suara. Adat *parasam* atau pertunangan dijalankan seperti biasa yang dilakukan oleh masyarakat Tamil-Hindu. Kebiasaannya pihak lelaki akan membuat hantaran kepada pihak perempuan. Barang hantaran ialah lima hingga tujuh dulang berupa lima biji kelapa dikupas yang disalut kunyit, lima sisir pisang, lima jenis buah-buahan, sedulang gula batu dengan buah kurma, sedulang sirih pinang, sedulang berisi sepasang cincin, gelang tangan, bedak, cermi, sikat, wang tetek (wang susu) sebanyak RM51.00 atau RM 101.00 dan sedulang air mawar dengan bunga rampai (Narayanasamy, 1976).

Majlis *parasam* diakhiri dengan jamuan makanan masakan Chitty. Bermula hari tersebut, persiapan akan dijalankan untuk hari perkahwinan. Satu lagi adat yang mirip kepada masyarakat Tamil-Hindu ialah pemakaian *Thali* (Rantai Perkahwinan). Penempahan *Thali* dilakukan dengan mendapatkan khidmat nasihat pandaram untuk melihat tarikh dan masa yang sesuai mengikut kalendar agama Hindu. Adat *Anthar Sirih Koil* turut diamalkan dalam masyarakat ini yang juga menyerupai amalan biasa oleh masyarakat Tamil-Hindu di negara ini (Narayanasamy, 1976). Kad jemputan diedarkan kepada saudara mara, dan sahabat handai yang terlebih dahulu mendapat restu daripada *Dewa Vinayagar*. Data yang diperoleh daripada temu bual menjelaskan bahawa, rombongan ini diketuai oleh Pemegang Amanah Kuil bersama keluarga pengantin lelaki. Sedulang berisi kelapa yang disalut kunyit, bunga melur, kad kahwin, buah-buahan, sedulang berisi tepak sirih dan sedulang lagi berisi bunga rampai diletakkan di tengah rumah untuk mendapat restu.

Seterusnya ialah adat menaikkan tiang *panthal* (khemah perkahwinan). Amalan ini turut diwarisi sejak zaman berzaman oleh kaum Tamil-Hindu (Narayanasamy, 1976). Tiang khemah (*panthal*) akan dinaikkan sehari sebelum hari bersanding dan akan diturunkan pada hari ketiga. Upacara *Nalanggu* (adat buang sial untuk pengantin lelaki) dijalankan mengikut tradisi kaum Tamil-Hindu. Adat ini penting bagi pengantin lelaki sebelum hari

perkahwinan menjelma. Adat ini dijalankan oleh lima wanita yang sudah berkahwin (Narayanasamy, 1976).

Encik Nadarajan yang telah ditemu bual pada 15 Julai 2009 di Kampung Chetty, Gajah Berang telah mengatakan bahawa, satu lagi upacara istimewa masyarakat Chitty ialah upacara sembahyang *Thali* (Rantai Perkahwinan). Terdapat istilah yang digunakan oleh masyarakat Chitty menamakan loket pada *Thali*, iaitu *Kodok-Kodok*. Bentuk *Thali* yang dihasilkan berbeza dengan masyarakat Tamil-Hindu biasa yang turut membezakan antara kasta yang terdapat dalam masyarakat Chitty. Setelah sembahyang *Thali*, malam berinai akan berlangsung. Jika diperhatikan, upacara ini juga turut menjadi sinonim dengan adat perkahwinan masyarakat Melayu (Narayanasamy, 1976). Air mawar direnjiskan pada pengantin lelaki dan perempuan. Inai yang dihasilkan dengan cara tradisional, iaitu dengan cara menggiling, disapu bermula dari tangan kanan ke tangan kiri, dan dilakukan oleh wanita yang sudah berkahwin.

Hasil temu bual dengan Puan Kamachi pada 25 Julai 2009 di Kampung Chetty, Gajah Berang membuktikan bahawa, suatu adat yang tidak wujud dalam istiadat perkahwinan kaum Tamil-Hindu ialah adat persandingan. Beberapa adat persandingan yang menjadi amalan masyarakat Chitty menunjukkan unsur asimilasi masyarakat Melayu seperti pemberian bunga telur dan bunga rampai, penggunaan bunga manggar, bermain congkak, penggunaan pelamin, hiburan semasa perkahwinan seperti joget lambak, beronggeng, berdondang sayang, dan berpantun menjadi elemen penting adat persandingan masyarakat Chitty yang tidak diamalkan oleh masyarakat Tamil-Hindu.

Puan Kamachi yang ditemu bual juga menerangkan bahawa, satu lagi adat istiadat masyarakat Chitty yang ada persamaan dengan istiadat Melayu ialah mandi pengantin. Pada hari kedua, pengantin akan berdiri di hadapan rumah dan dimandikan oleh ibu bapa dan sanak saudara. Pakaian untuk kedua-dua pengantin memperlihatkan unsur asimilasi masyarakat Melayu. Pada masa dahulu, pakaian pengantin perempuan disewakan daripada orang Melayu. Sarung, baju berlengan panjang dan dastar ala Jawa, talpa serta berkeris merupakan pakaian pengantin lelaki. Sementara pakaian pengantin perempuan pula dipanggil baju panjang labuh dengan sarung, didepannya ialah biota, dokok-dokok dan sanggul lintang.

### **Adat Kelahiran**

Dalam adat kelahiran, tiada unsur asimilasi masyarakat Melayu yang ketara. Cuma dalam pantang-larang selepas ibu bersalin memperlihatkan persamaan dengan budaya masyarakat Melayu. Kebiasaannya, apabila seseorang ibu mengandung, pantang larang seperti tidak membenarkan kerja berat, tidak boleh menjemur kain baju, tidak boleh memotong dan mengetuk sesuatu walau apa benda sekalipun dilihat menjadi pegangan yang kuat dalam masyarakat Chitty sejak turun-temurun. Larangan ini biasanya terdapat dalam kalangan masyarakat Tamil-Hindu dan juga orang Melayu. Upacara melenggang perut atau *valakappu* dilakukan pada bulan ke-7 sebelum ibu bersalin. Upacara ini menjadi amalan kuat dalam masyarakat Tamil-Hindu yang turut menjadi ikutan masyarakat Chitty Melaka (Nadarajan, 2003).

## Adat Kematian

Dalam adat kematian, masyarakat Chitty Melaka memegang teguh kepada istiadat agama Hindu yang diperturunkan oleh nenek moyang sejak zaman berzaman. Boleh dikatakan, semua elemen yang dikaji dalam adat ini menampakkan pegangan agama Hindu ortodok. Hasil daripada temu bual dengan Encik Narayanasamy pada 12 Ogos 2009 di Kampung Chetty, Gajah Berang dapat diketahui bahawa, mayat ditutupi dengan kain putih, kecuali muka akan diletakkan dalam peti. Sepasang *Kutuvilakku* (lampu duduk) diletakkan di bahagian kepala mayat. Ada beberapa upacara dijalankan bagi seseorang yang telah meninggal dunia. Contohnya, jika yang meninggal dunia ialah seorang yang sudah berkahwin, lilin putih dinyalakan dan diletakkan pada bahagian kepala mayat tersebut. Jika kematian untuk yang belum berkahwin, dua lilin merah dinyalakan dan diletakkan pada bahagian kepala mayat itu. Semua gambar ditanggalkan dan kain hitam digantungkan pada hadapan muka pintu rumah (Nadarajan, 2003).

Istiadat menanggalkan *thali* (rantai perkahwinan) bagi isteri yang kematian suami merupakan satu lagi amalan penting dalam adat istiadat masyarakat Tamil-Hindu. Menurut Encik Narayanasamy dalam temu bual mengatakan bahawa masyarakat Chitty turut mengamalkan pegangan ini. Sari putih akan dipakai oleh isteri si mati sebagai tanda kesucian. Beberapa pantang larang sehingga upacara hari ke-16 diadakan. Ahli keluarga tidak boleh ke kuil untuk sembahyang, dan mereka juga dilarang hadir dalam segala majlis perkahwinan, kelahiran atau perayaan. Pada hari ke-16, kenduri besar diadakan dengan menyambut sanak saudara ke rumah. *Pandaram* akan dijemput untuk melakukan upacara sembahyang dan menyanyi *devaram* atau lagu agama untuk mententeramkan roh si mati.

## Pakaian dan Perhiasan Diri

Maklumat daripada hasil temu bual didapati bahawa, kaum lelaki dewasa dalam lingkungan umur 50-70 tahun masih memegang teguh cara pemakaian masyarakat Chitty. Pada kebiasaannya, baju berlengan panjang, kain sarung, dan pelikat menjadi kegemaran kaum lelaki dewasa ketika berada di rumah. Maka tidak hairanlah, jika mereka kelihatan seakan-akan orang Melayu memandangkan pakaian dan cara pertuturan seperti kaum Melayu. Bagi pemuda masyarakat Chitty, pakaian ala-barat dan moden menjadi kegemaran. Tiada pakaian yang khusus bagi pemuda-pemudi Chitty ketika berada di rumah mahupun ketika menghadiri majlis perkahwinan ataupun pada musim perayaan. Pakaian tradisional Tamil turut digalakkan oleh keluarga pemuda Chitty ketika ke kuil untuk sembahyang ataupun menghadiri sesuatu pesta perayaan.

Sekali pandang, kaum wanita Chitty seperti wanita Melayu. Hasil temu bual juga menjelaskan bahawa, 100% wanita dewasa yang berumur antara 50-70 tahun, memperlihatkan persamaan yang ketara dengan wanita Melayu. Sarung kebaya, kebaya labuh dan bersanggul menjadi pakaian kegemaran wanita dewasa Chitty yang sudah sebatih sehingga kini. Seperti pemuda Chitty, pemudi Chitty yang berumur antara 15 hingga 40-an memilih pakaian yang berupa kain sarung, kebaya labuh, skirt serta pakaian moden ketika di rumah, lebih-lebih lagi bagi pemudi moden Chitty. Pakaian tradisional Tamil seperti Sari, Chuditar, baju Punjabi dipakai ketika menghadiri upacara keagamaan ke kuil, menghadiri adat istiadat keluarga, dan ketika musim perayaan.

Secara keseluruhannya, kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur dalam lingkungan 5-14 tahun memilih cara pakaian barat ketika di rumah dan di luar rumah. Perubahan ini jelas terpancar apabila kanak-kanak tidak menitikberatkan soal pemakaian yang khusus serta tidak mengikut cara pemakaian warisan orang tua mereka.

### **Makanan**

Makanan harian mereka juga adalah seperti orang Melayu, iaitu nasi. Daripada temu bual dengan responden diketahui bahawa pada hari perayaan *Ponggal*, masyarakat Chitty akan memasak makanan tradisional mereka seperti nasi lemak kukus berlauk pinding ikan parang, kuah terung, sambal timun, udang, urap kelapa, kangkung tumis, kacang goreng minyak, acar cili dan sambal tahi minyak.

Jika diperhatikan pada jenis masakan masyarakat Chitty pada perayaan besar seperti pesta *Ponggal*, asimilasi masakan Melayu lebih ketara dan mendominasi masakan masyarakat ini. Antaranya kuih ondeh-ondeh, kuih dodol, kuih dadar, kuih koci, kuih gomak, kuih sargon-sargon, seri kaya, kuih kanda kasturi, kuih lapis, pulut hitam, kuih rempah udang serta pelbagai kuih lagi yang mengalami asimilasi masakan kaum Melayu. Selain itu, sambal tumis, sambal belacan, ikan sipat masak nanas, ikan bilis, ikan pindang, sambal belimbing udang, otak-otak, cencaluk dan banyak lagi masakan lain turut menyerupai masakan Melayu. Makanan paling digemari oleh kaum Chitty Melaka ialah nasi lemak (Samuel, 2006). Makanan sayuran, iaitu vegetarian turut diamalkan dalam kalangan masyarakat Chitty, terutamanya pada hari Jumaat serta pada musim perayaan Hindu seperti payasam, pacedi (acar), sambar, puttuo, vadei, thosai, idli, kesari, halva, rasem (sup India), kacang dal, appalam (papadam) dan banyak lagi.

### **KESIMPULAN**

Masyarakat Chitty telah melalui perjalanan yang cukup panjang untuk terus mengekalkan identiti yang tersendiri. Keunikan ini dapat diperhatikan dalam segala aspek kehidupan seharian mereka, bahasa, pakaian, makanan, adat-istiadat, kepercayaan, perkahwinan, gelaran, upacara agama, seni bina, muzik, permainan dan seumpamanya. Secara langsung dan tidak langsung, asimilasi antara kedua-dua budaya masyarakat Chitty dengan masyarakat Melayu telah terjadi dengan segala keunikannya. Oleh itu, segala keunikan ini bukan sahaja perlu dipelihara dan diteruskan malah perlu didokumentasikan secara penuh sistematik.

Kebanyakan masyarakat Chitty yang ditemui, tidak dapat berbuat apa-apa untuk menghalang kepupusan yang sedang berlaku dalam masyarakat mereka. Identiti masyarakat Chitty hilang ditelan oleh arus peredaran zaman. Budaya masyarakat lain yang tinggal bersama-sama mereka di sesebuah wilayah sering mendominasi budaya mereka yang bersifat minoriti.

Kajian oleh Mohd Shukri Mohd Arif dan rakan-rakannya (2003) mendapati, masyarakat Chitty merupakan antara kelompok masyarakat yang semakin pupus ditelan zaman. Masyarakat yang semakin terancam ini tidak sesekali menolak pembangunan yang diberikan kepada mereka oleh kerajaan. Malah, masyarakat Chitty yang ditemui amat

mengalukan jika terdapat usaha daripada pihak tertentu untuk memelihara komuniti ini yang semakin pupus. Secara perlahan-lahan, masyarakat Chitty semakin berkurangan dan budaya mereka semakin dilupakan. Menyedari hakikat ini, Nadarajan (2003) berusaha menghidupkan kebudayaan kaum Chitty semula dan memperkenalkan masyarakatnya pada mata dunia. Usahanya membuahkan hasil apabila Kampung Tujuh diisytiharkan sebagai Kampung Budaya Chitty pada tahun 2001. Usahanya tidak ternoktah begitu sahaja. Nadarajan (2003) turut mengasaskan Pertubuhan Kesenian Chitty Negeri Melaka pada tahun 2000. Setiap kali pesta kebudayaan atau sambutan hari tertentu, pertubuhannya turut diundang untuk mengadakan persembahan.

Kebanyakan generasi muda masyarakat Chitty Melaka ini kurang mengenali adat istiadat mereka. Untuk memastikan bahawa budaya masyarakat Chitty ini terus terpelihara dan sebagai usaha murni masyarakat ini dikenali dunia, sebuah muzium Chitty Melaka dibina pada 2003 oleh Kerajaan Negeri Melaka di perkampungan Chitty, Gajah Berang, Melaka. Muzium tersebut dibuka setelah semua bahan yang bersangkutan dengan kaum Chitty dapat dikumpulkan dan dipamerkan.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Haji Abdullah (2000). *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors SdnBhd.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (2006). *Sejarah dan Kebudayaan Asia Tenggara Tradisional*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Aisyah Abu Bakar, Mariana Mohamed Osman, Syahriah Bachok, & Mansor Ibrahim (2014). "An Analysis on Transmission of Ethnic Languages in Selected Communities in the World Heritage Site of Malacca, Malaysia". *Procedia Environmental Sciences*, 20: 612-621.
- Aziz Deraman. (2000). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Deraman. (2005). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakar, A. A., Osman, M. M., Bachok, S., & Ibrahim, M. (2014). "Analysis on Community Involvement in Cultural Activities: Transmission of Ethnic Language." *Planning Malaysia*, 12: 105-132.
- Chew, P. G. L. (2011). "Multiculturalism: A Study of Plurality and Solidarity in Colonial Singapore". *BiblioAsia*, 6(4): 14-18
- Collins, J. T. (2005). *Bahasa Melayu Bahasa Dunia Sejarah Singkat*. (Terj. Evita Elmanar). Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Edmund T. G. (2000). "Tracing the Ethnic Divide: Race, Rights and Redistribution in Malaysia." In Joanna Pfaf-Czarnecka et al. (eds.), *Ethnic Futures: The State and Identity Politics in Asia*. (pp.168) London: Sage Publications.
- Hashim Hj. Musa, (2005). *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*. Petaling Jaya: DJ Gemilang Sdn. Bhd
- Lukman Z. Mohamad & Khaidzir Hj. Ismail (2003), "Melayu Hilang di Dunia? Persoalan Identiti Nasional dan Bangsa Malaysia dalam Era Globalisasi." dlm Lukman Z. Mohamad & Azmi Abdul Manaf (eds.). (2003). *Globalisasi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah. (2014). "Jati Diri Kaum dan Perpaduan Negara: Kajian Kes Cina Peranakan Kelantan di Malaysia." *Kajian Malaysia*, 32(1): 119-148.



- Mohd Shukri Mohd Ariff., Adnan Abd. Jamil., & Cliff Akid Kamijan Abdullah. (2003). "Kelompok Yang Semakin Pupus". *Dewan Budaya*. 25(1): 16-20.
- Nadarajan, R. (2003). *Kaum Chetty Melaka*. Kertas Kerja Seminar Sejarah dan Kebudayaan Melaka pada 27 Ogos 2003 di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka.
- Narayanasamy, K. (1967). *Proses Asimilasi dan Pengebudayaan di Kalangan Masyarakat Chitty Melaka*. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya
- Narayanasamy, K. (1976). *Keadaan Kaum Chetty Masa Kini*. Kertas Kerja dalam Seminar Sejarah Melaka, pada 18 Mac 1976 di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka.
- Noriah Mohamed. (2009) "Malay Chetty Creole Language of Malacca: A Historical and Linguistic Perspective." *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 82 (1): 55-70.
- Prabhawathy, S. G. (2007). "Masyarakat Chetti yang dilupakan". *Dewan Budaya*, 29(3): 10-13
- Samuel, S. D. (2006). *Peranakan Indians Of Singapore and Melaka- Indians Babas and Nonyas- Chitty Melaka*. Singapura: Utopia Press Pte Ltd
- Tambiah, Y. (1984). *Some Historical and Social Perspectives on the Colombo Chetties*. Colombo: International Center for Ethnic Studies.
- Uthaya Sankar SB. (2007). "Wajah Malaysia dalam Budaya Chetti". *Dewan Budaya*, 29(3): 10-13
- Yap, E. M. (1989). "Komuniti Ceti Melaka: Satu Pengenalan". *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, 17: 55-72.
- Zawiah Mat & Mashitah Sulaiman. (2007). "Interaksi Budaya India & Cina Ke Atas Penguatan Bahasa Dalam Tamadun Melayu". *Jurnal Pengajian Umum* 8: 115-139.

